

## PENGURUSAN KEWANGAN MAHASISWA

Syahida Md Zeni, Azizi@Hamizi Hashim, Norlaila Md Din & Mohamad Azmi Nias Ahmad\*

*Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Lintasan Semarak, 26400 Bandar Jengka,  
Pahang, Malaysia*  
syahidam@uitm.edu.my, azizih@uitm.edu.my, norliey@uitm.edu.my, azminias@gmail.com

**Abstrak:** Ilmu perakaunan asas merupakan satu cabang pengetahuan yang penting, tanpa mengira peringkat usia, taraf pendidikan, maupun kerjaya seseorang. Salah satu cabang asas perakaunan yang penting adalah belanjawan dan pengurusan kewangan. Ilmu yang berkait rapat dengan kehidupan setiap individu ini sering diabaikan terutamanya oleh golongan muda sehingga menimbulkan masalah kepada masyarakat apabila bilangan individu yang tersenarai dalam senarai muflis Bank Negara semakin meningkat saban tahun. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan asas tentang belanjawan dan pengurusan kewangan daripada pandangan kelompok remaja Malaysia di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dan ia bertujuan untuk mengkaji corak perbelanjaan golongan muda di peringkat awal, iaitu bagi mahasiswa peringkat diploma. Golongan ini dipilih kerana, mereka telah melepassi peringkat persekolahan dan pada kebiasaan mereka memulakan kehidupan sendiri jauh daripada kawalan ibubapa. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk melihat sejauh mana mahasiswa di sini peka terhadap kepentingan pengurusan kewangan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik kepada mahasiswa secara rawak. Seramai 134 responden telah terlibat dalam kajian ini iaitu para mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai program. Hasil kajian ini mendapat bahawa mahasiswa mempunyai kebolehan dan tanggapan yang positif terhadap pengurusan kewangan dan mereka menyedari akan kepentingannya. Walaubagaimanapun, masih terdapat segelintir mahasiswa yang berada di tahap sederhana dan lemah dalam menguruskan kewangan peribadi masing-masing.

**Kata kunci:** belanjawan; perbelanjaan; pengurusan kewangan;

### Pengenalan

Remaja merupakan pelapis kepimpinan negara di masa akan datang. Golongan ini harus diasuh dan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang luas bukan sahaja untuk menyambung legasi, malah untuk mengukuhkan lagi Malaysia di peta dunia. Majoriti remaja di negara ini meneruskan pengajian ke peringkat tinggi pada usia 18 tahun, samada di institusi pengajian awam maupun swasta, di peringkat sijil maupun diploma atau mungkin bidang kemahiran. Di sanalah kebanyakannya mereka menimba ilmu dan mula berdiskari. Tidak kira bidang dan peringkat yang diceburi, matlamat mereka hampir sama iaitu menuntut ilmu untuk masa depan.

Salah satu cabang ilmu yang penting dan harus dimahasiswa terutama bagi golongan muda yang baru berjinak-jinak untuk hidup sendiri adalah pengurusan kewangan. Selain itu, penyediaan belanjawan juga merupakan salah satu daripada asas perakaunan yang penting untuk dimahasiswa. Ilmu yang sangat berkait rapat dengan kehidupan setiap individu ini sering diabaikan terutamanya oleh golongan muda, sehingga menimbulkan masalah kepada masyarakat, apabila bilangan individu yang tersenarai dalam senarai muflis Bank Negara kian meningkat saban tahun.

Kajian ini menjurus kepada perlakuan segelintir remaja dalam merancang kewangan mereka. Ia dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan asas tentang belanjawan dan pengurusan kewangan daripada pandangan kelompok remaja Malaysia, di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Tujuan utama kajian adalah untuk mengkaji corak perbelanjaan golongan muda di peringkat awal, iaitu bagi mahasiswa peringkat diploma, dalam usia sekitar 18 hingga 21 tahun. Golongan ini dipilih bersesuaian dengan status mereka sebagai mahasiswa, iaitu mewakili kelompok remaja yang cemerlang di peringkat sekolah menengah, sedang menuntut ilmu di salah satu institusi pengajian tinggi dan kebanyakannya mereka hidup sendiri jauh daripada kawalan ibubapa (Poh, 2016). Selain mengkaji corak perbelanjaan, ia juga bertujuan untuk melihat sejauh mana mahasiswa ini peka terhadap kepentingan pengurusan kewangan mereka.

Objektif kajian ini termasuk mengenalpasti pola perbelanjaan mahasiswa pada setiap bulan, merungkai adakah wang pendapatan bulanan mahasiswa mencukupi seterusnya mengkaji sama ada mahasiswa membuat perancangan kewangan pada setiap bulan.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik kepada mahasiswa secara rawak. Seramai 134 mahasiswa terpilih sebagai responden yang terdiri daripada pelbagai program yang ditawarkan di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Persoalan utama kajian adalah bagaimana mahasiswa berbelanja dengan menggunakan wang yang diperolehi dari pinjaman, penajaan mahupun ibubapa/penjaga. Selain itu, kajian ini juga menyelidik sama ada jumlah yang diterima setiap bulan mencukupi untuk menampung kos hidup mereka dan seterusnya bagaimana mereka merancang sumber yang diperolehi dan berbelanja mengikut kadar kemampuan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa mahasiswa mempunyai kebolehan dan tanggapan yang positif terhadap pengurusan kewangan dan mereka menyedari akan kepentingannya. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir yang berada di tahap sederhana dan lemah dalam menguruskan kewangan peribadi masing-masing.

Satu daptan penting dari kajian ini adalah ketidakcukupan sebahagian daripada mahasiswa untuk menanggung perbelanjaan harian mereka berdasarkan kekangan kewangan yang dihadapi sehingga ada yang menjelaskan kesihatan (Rahman dan Zulkefli, 2016). Walaupun daptan ini sedikit tersasar dari objektif asal, namun ianya memberi impak besar di peringkat keluarga dan boleh membantu dalam proses membuat keputusan berkaitan belanjawan dan kewangan di peringkat kampus, universiti dan peringkat negara secara amnya. Selain itu, hal ini dapat membuka mata serta memberi pendedahan awal kepada para pensyarah agar lebih prihatin tentang kemungkinan wujudnya ketidakcukupan belanja harian mahasiswa terutama berkaitan makanan.

### **Kajian Literatur**

Belanjawan merupakan topik yang sangat penting dalam segenap lapisan masyarakat di peringkat negara. Belanjawan dibentangkan setiap tahun bertujuan untuk memberi maklumat kepada umum tentang jumlah perolehan dan perbelanjaan serta perancangan kewangan untuk tahun berikutnya. Di peringkat organisasi, belanjawan juga seharusnya disediakan sebagai mekanisma pengukuran pelaksanaan perancangan kewangan dan melancarkan pengaliran tunai. Bagi individu, belanjawan berfungsi sebagai kayu ukur gaya hidup berdasarkan kemampuan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi belanjawan dan pengurusan kewangan seseorang individu dewasa. Ini termasuk faktor demografik dan gaya hidup (Muniady et al., 2014). Bagi mahasiswa pula situasi agak berbeza kerana kebiasaan mereka menghadapi kekangan kewangan yang terhad memandangkan majoriti mereka belum mempunyai pendapatan sendiri. Keadaan ini menyebabkan golongan mahasiswa mengurus kewangan dengan cara yang agak berbeza (Stollak et all, 2010), sehingga ada antara mereka yang sanggup berlapar (Siman, 2018) dan ada segelintir yang sanggup bekerja separuh masa untuk mendapatkan lebihan wang saku (Abdul Rahman dan Zulkifly, 2016).

Pengetahuan tentang asas perakaunan merupakan salah satu faktor penting dalam kejayaan pengurusan kewangan seseorang individu. Mahasiswa yang terlibat dengan kursus perakaunan dan kewangan, sama ada sebagai kursus utama atau sampingan, biasanya lebih cenderung untuk lebih berhati-hati dalam berbelanja (Azmi dan Othman, 2017). Selain itu, didikan keluarga turut memainkan peranan dalam mempengaruhi tingkah laku kewangan seseorang remaja (Bona, 2018). Mokhtar et all (2013) dan Siman (2016) menyatakan ibubapa yang menggalakkan anak-anak menabung sejak kecil sangat mempengaruhi sifat anak tersebut bila mereka meningkat dewasa.

Azmi dan Othman (2017) turut mengambil keupayaan kawalan diri sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan seseorang mahasiswa. Ini termasuk mampu mengenalpasti dan mengawal emosi serta keinginan untuk berbelanja. Sebahagian mahasiswa mendapat pembiayaan daripada ibubapa atau pihak ketiga dan ini memungkinkan mereka untuk membuat keputusan sendiri dalam berbelanja. Perkara ini menjurus kepada peningkatan kuasa beli dalam kalangan mahasiswa. Ada kemungkinan perbelanjaan boleh melebihi jumlah perolehan tanpa kawalan ibubapa (Muniady et al., 2014)

Selain itu, pengaruh rakan sebaya merupakan satu lagi faktor dalam kejayaan pengurusan kewangan seseorang mahasiswa (Azmi dan Othman (2017), dan Yakob et al, (2015)). Berjauhan daripada keluarga

menyebabkan ramai mahasiswa menjadikan rakan sebaya sebagai rujukan dalam perbelanjaan. Kita sedia maklum bahawa remaja sememangnya lebih banyak berkomunikasi dengan rakan berbanding ibubapa, termasuklah dalam hal pengurusan kewangan.

Yakob et al, (2015) turut merangkumkan literasi kewangan sebagai satu faktor penting dalam pengurusan kewangan individu terutama golongan mahasiswa. Ini termasuk pemahaman tentang konsep kewangan, kemampuan menilai perbelanjaan untuk keperluan berbanding kehendak dan seterusnya memahami kepentingan tabungan. Pemahaman pengurusan kredit juga termasuk dalam literasi kewangan (Stollak et al 2010).

## Metodologi kajian

Kajian ini dikendalikan menggunakan kaedah kuantitatif dengan persampelan rawak mudah (*convenient sampling*). Ia melibatkan seramai 134 responden dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Pahang yang dipilih secara rawak. Pengumpulan data responden dilakukan oleh mahasiswa KO HPD135 Pengurusan Kewangan yang dikendalikan oleh Dr Mohd Azmi Bin Nias Ahmad. Satu borang kaji selidik secara atas talian disediakan dan diedar oleh mahasiswa KO kepada semua kenalan mereka dalam UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Setiap responden diberi tempoh sesuai untuk menjawab borang soal selidik tersebut tanpa gangguan daripada para penyelidik. Malahan, identiti mereka secara khusus juga tidak dikenalpasti. Dapatan kajian direkod dan dianalisa dalam bahagian seterusnya.

## Dapatan kajian

Daripada 153 borang kajiselidik yang diterima, hanya 134 borang digunakan untuk kajian ini. Ia merangkumi 30 (22%) mahasiswa dan 104 (78%) mahasiswi. Kebanyakan borang kajiselidik yang ditolak adalah disebabkan ianya diisi tidak lengkap, respons yang diragui kerana responsnya cenderung ke kanan (Monotone) dan borang yang langsung tidak diisi.

Jadual 1 menunjukkan, majoriti ataupun 76 (57%) orang mahasiswa, sumber pendapatannya adalah datangnya daripada Ibu bapa/Penjaga. Selebihnya 41 (31%) Pinjaman, 9 (7%) lain-lain dan 8 orang (6%) Penaja.

Jadual 1 - Sumber Pendapatan Mahasiswa

SUMBER	PERATUSAN (%)	BILANGAN MAHASISWA
Pinjaman	31%	41
Penaja	6%	8
Ibu bapa/ Penjaga	57%	76
Lain-lain	7%	9

Jadual 2 menunjukkan, kebanyakan mahasiswa menerima sekitar RM201-300 (37%) dan 25% daripada mahasiswa ini menerima dibawah RM200. Jumlah ini adalah agak kecil, jika dipuratakan hanya RM10 sahaja. Dapatan dari jadual 1 memberi input mengenai kebergantungan mahasiswa kepada Ibu bapa/Penjaga mereka. Oleh yang demikian, kebanyakan mahasiswa terpaksa berbelanja mengikut pendapatan yang mereka perolehi ini. Jadual 2 menunjukkan majoriti mahasiswa berbelanja mengikut pendapatan yang diterima.

Jadual 2 - Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Mahasiswa

JUMLAH (RM)	Pendapatan		Perbelanjaan	
	BILANGAN MAHASISWA	PERATUSAN (%)	BILANGAN MAHASISWA	PERATUSAN (%)
Kurang 200	33	25%	29	22%
201-300	50	37%	47	35%
301-400	29	22%	37	28%
401-500	15	11%	15	11%
Melebihi 501	7	5%	6	4%
<b>JUMLAH</b>	<b>134</b>	100%	<b>134</b>	100%

Hampir keseluruhan perbelanjaan (70%) digunakan untuk makan dan selebihnya digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti di dalam Jadual 3. Seramai 74 (55%) orang mahasiswa berpendapat pendapatan bulanan mereka tidak mencukupi, manakala 60 orang mahasiswa mengatakan sebaliknya

Jadual 3 -Pecahan Perbelanjaan Mahasiswa

PERBELANJAAN	BILANGAN MAHASISWA	PERATUSAN (%)
Makan	94	70%
Buku/Alat Tulis	15	11%
Pengangkutan	6	4%
Telekomunikasi	1	1%
Hiburan	5	4%
Lain-lain	13	10%
<b>JUMLAH</b>	<b>134</b>	<b>100%</b>

Walaupun lebih separuh mahasiswa berpendapat bahawa pendapatan mereka tidak mencukupi, 59% daripada mereka berhati-hati dalam berbelanja dan berjaya membuat sedikit simpanan seperti dalam Jadual 4. Ia dibuktikan dengan dapatan dalam Jadual 5, 81% mahasiswa hanya berbelanja mengikut keperluan mereka sahaja.

Jadual 4 - Bilangan mahasiswa yang membuat simpanan

TABUNGAN	BILANGAN	PERATUSAN (%)
Ya	79	59%
Tidak	55	41%
<b>Jumlah</b>	<b>134</b>	<b>100%</b>

Jadual 5 - Bilangan mahasiswa yang berbelanja mengikut keperluan atau kehendak

	BILANGAN	PERATUSAN (%)
Keperluan	109	81%

Kehendak	25	19%
<b>JUMLAH</b>	<b>134</b>	<b>100%</b>

## Kesimpulan

Secara am, kajian ini mendapati mahasiswa UiTM Jengka menghabiskan sebahagian besar pendapatan bulanan mereka untuk makanan. Dapatan ini tidak memerlukan kerana makanan adalah perbelanjaan yang wajib bagi setiap mahasiswa. Walau bagaimanapun, perhatian perlu ditumpukan kepada data berkaitan jumlah pendapatan bulanan dan perbelanjaan utama mahasiswa serta nisbah kecukupan pendapatan-perbelanjaan bulanan. Kajian lanjutan perlu dilakukan, terutamanya terhadap dapatan yang secara purata, mahasiswa UiTM Cawangan Pahang hanya mempunyai jumlah pendapatan bulanan RM200-300 sahaja (37%) atau RM10 untuk perbelanjaan sehari. Jumlah perbelanjaan yang kecil itu menimbulkan persoalan sama ada mereka terpaksa mengikat perut dengan hanya makan sekali atau dua kali sahaja dalam sehari.

Tinjauan awal susulan daripada kajian ini mendapati ramai mahasiswa tidak mengambil sarapan kerana berjimat untuk mencukupkan belanja makan tengahari dan malam. Selain daripada itu, ada mahasiswa yang mengambil peluang menikmati program makanan percuma kepada mahasiswa yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa, Uwais Al Qarni dan inisiatif pensyarah-pensyarah tertentu. Walaubagaimanapun, ada kemungkinan segelintir pelajar tidak maklum tentang perkara ini. Oleh itu, para pensyarah dan warga UiTM Pahang perlu peka dengan keadaan mahasiswa di sekeliling mereka.

Dari sudut pengurusan kewangan, kajian ini mendapati majoriti mahasiswa UiTM mampu menguruskan kewangan masing-masing dengan baik. Mereka tahu membezakan antara keperluan dan kehendak, bijak menentukan gaya hidup yang sesuai sebagai mahasiswa, mampu merancang perbelanjaan dan sebagiannya masih boleh membuat simpanan.

## Rujukan

- Azmi N F K, dan Othman N (2017). Tingkah Laku Mahasiswa dalam Menguruskan Wang Pembentangan Pendidikan. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017) : 601-609. e-ISBN: 978-967-2122-15-9.
- Bona J T C (2018) Factors affecting the spending behavior of college students. *Journal of Fundamental and Applied Science* 10(3S): 142-152
- Ismail C.R.C., (2011) Pengurusan kewangan mahasiswa: satu tinjauan awal untuk keperluan kaunseling kewangan. Institut Teknologi Tun Hussien Onn.
- Mokhtar N A A, Sabri M F, Hashim A H, Rahim H A, Othman M A (2013). Tingkah laku, sosialisasi, tingkah laku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pengguna Malaysia* 21 (Disember): 1-15.
- Muniady R, Al-Mamun A, Permarupan P Y, Zainol N R (2014) Factors influencing consumer behavior: A study among university students in Malaysia. *Asian Sicial Science* Vol.10 (9):18-25. e-ISSN: 1911-2025
- Poh T C (2016) Faktor-faktor yang mempengaruhi tabiat perbelanjaan mahasiswa-mahasiswa di Malaysia. *Tesis Sarjana UUM*
- Rahman A A dan Zulkifly W (2016) Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Mahasiswa* 19(2): 85-94
- Siman N A A (2017) Kesedaran pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan mahasiswa Politeknik Hulu Terengganu. Konferensi dalaman Politeknik
- Stollak M, Vandenberg A, Steiner K, Richards J (2010) Student budgeting and spending behaviors: a comparative study. *Journal of Behavioral Studies in Business*.
- Yakob R, Janor H, Khamis N A (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Awam: Kajian Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Mahasiswa* 18(1): 75-88.

## KONSEP KENDIRI PELAJAR UITM CAWANGAN PAHANG KAMPUS RAUB: KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Siti Norma Aisyah bt Malkan<sup>1\*</sup>, Nurul Hidayah Che Hassan<sup>2</sup>, Siti Zafrina bt Zahari<sup>3</sup>, Abu Bakar Jaafar (Dr)<sup>4</sup>, Wan Azmi Wan Ahmad<sup>5</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang, Kampus Raub, Pahang,  
Malaysia

siti\_norma@uitm.edu.my  
nurulhidayah@uitm.edu.my

<sup>3,4,5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak

Jengka, Pahang, Malaysia  
zafrina@uitm.edu.my  
drabubakar@uitm.edu.my  
wanazmi@uitm.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan tentang konsep kendiri pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub menurut perspektif Islam. Dalam konteks pembangunan pelajar di Malaysia, konsep kendiri merupakan aspek yang sangat penting untuk menjana kecemerlangan dan kualiti pelajar. Pelajar sebagai aset negara perlu mempunyai konsep kendiri positif kerana mereka merupakan generasi yang bakal menerajui kecemerlangan, keunggulan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan lapangan menggunakan borang soal selidik dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Pahang kampus Raub dan kajian kepustakaan. Data kajian ini dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperolehi dari soal selidik yang diadaptasi dari soal selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self-Concept Scale) yang telah dibentuk oleh Fitts (1965) dan telah diubahsuai mengikut perspektif Islam. Manakala analisis secara kualitatif digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan data kuantitatif. Kajian ini secara keseluruhan menjelaskan bahawa konsep kendiri pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub berada pada tahap yang positif bagi setiap aspek yang dikaji. Kajian ini juga mendapat elemen konsep kendiri dari sudut fizikal, emosi, intelek dan rohani mampu membentuk konsep kendiri pelajar untuk menyediakan pelajar ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dalam mencapai pembangunan lestari sesuai dengan agenda negara pada masa kini.

**Kata Kunci :** Konsep kendiri, pelajar, kualiti, Islam

### Pengenalan

Konsep kendiri merupakan satu aspek yang penting dalam perkembangan kendiri seseorang individu. Dalam konteks pembangunan akademik, konsep kendiri sangat berkait rapat dengan pencapaian akademik dan kecemerlangan pelajar dimana terdapat pengkaji yang menyimpulkan konsep kendiri yang positif sangat berkait rapat dengan kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik. Semua pihak bertanggungjawab untuk membentuk pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang positif yang akhirnya akan membentuk pelajar menjadi insan yang sempurna dan berketerampilan dalam semua aspek kehidupan samada di dunia dan akhirat (Othman, 1995; Zaharah, 2000 dan Azizi Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya, 2005). Selain itu, tahap pencapaian seseorang pelajar dalam pembelajaran sangat berkait dengan minat, motivasi dan sikap positif yang berterusan termasuk konsep kendiri pelajar tersebut (Crow & Crow, 1983).

Secara literalnya, konsep kendiri boleh didefinisikan sebagai tahap pengetahuan dan kepercayaan seseorang berkenaan kualiti yang ada pada dirinya dan bagaimana individu itu menilai kualiti tersebut (Charles, 2004). Konsep kendiri juga dilihat sebagai tanggapan seseorang terhadap dirinya sendiri (Shavelson & Bolus, 1982). Tanggapan yang dimaksudkan di sini meliputi nilai yang dipegang, harga diri, perasaan dan kepercayaan. Ia juga merupakan penilaian individu itu sendiri yang boleh diperoleh berdasarkan pengalaman kehidupan pada masa lalu. Azizi Yahaya dan rakan-rakan (2005) menjelaskan konsep kendiri sebagai penilaian individu tentang diri sendiri atau bagaimana individu tersebut melihat dirinya samada secara positif ataupun negatif. Pembinaan konsep kendiri individu memerlukan kepada

penilaian orang lain terhadap individu tersebut. Konsep kendiri individu merangkumi tanggapan diri dan keadaan sekelilingnya melalui pemerhatiannya dan perasaan tentang kebolehannya merangkumi harga diri dan keyakinannya. Konsep kendiri meliputi aspek psikologi dan fizikal. Ia sangat berkaitan dengan peroses pembelajaran yang dilalui individu sejak dari kecil lagi (Jamaludin, 2010).

Perkembangan peribadi pelajar dalam akademik dan bukan akademik perlu berkembang seiring dengan falsafah pendidikan negara yang bertujuan untuk membina sebuah masyarakat yang mempunyai moral dan etika yang teguh. Untuk mencapai kemajuan, sesebuah negara memerlukan kepada satu sistem pendidikan yang berkualiti. Pendidikan berkualiti yang dimaksudkan bukan sahaja dilihat dari aspek kecemerlangan akademik sahaja tetapi perlu merangkumi keupayaan melahirkan pelajar yang berdisiplin tinggi dan mempunyai ketinggian etika dan moral.

Kajian literatur banyak membuktikan konsep kendiri merupakan salah satu elemen terpenting dalam menjamin kebahagiaan kehidupan manusia. Terdapat pengkaji yang mendapati tahap konsep kendiri yang rendah menjadi penyumbang kepada penglibatan dalam jenayah, tingkah laku yang negatif, gangguan emosi dan tekanan hidup yang boleh menjurus individu kepada perlakuan bunuh diri (Orth, Robins, Meier, & Conger, 2016, Mohd Fairuz Jafar, Shahizan Hasan ,2016, Sowislo & Orth, 2012, Hawton, Saunders, & O'Connor, 2012, Schraml, Perski, Grossi, & Simonsson-Sarnecki Margareta, 2011; Trzesniewski K. H., Mof-fitt, T. E., Robins, Donnellan, M. B., Poulton, R., & Caspi, 2006). Selain itu, tahap konsep kendiri yang rendah juga boleh mendorong pelajar hilang fokus dan minat untuk meneruskan pengajian mereka di pusat pengajian tinggi.

Secara umumnya, perbincangan mengenai konsep kendiri dalam Islam belum digunakan secara meluas di dalam penulisan. Namun, secara konseptual telah wujud perbincangan berkaitan kendiri dalam Islam (Siti Jamiaah, Yusaimi & Rozmi, 2017). Dalam Islam konsep kendiri boleh dihubungkan dengan diri atau peribadi manusia. Ahli psikologi dan falsafah Islam bersetuju dengan pendapat yang hampir sama apabila membincangkan tentang diri manusia, di mana mereka menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan primer dalam mengupas dan membincangkan berkaitan diri manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh berkaitan elemen diri manusia terutama yang bersifat kerohanian atau spiritual. Sarjana Islam menghubungkan konsep kendiri dengan diri atau peribadi manusia (*al-nafs*). Antara tokoh falsafah Islam yang terkenal mengupas tentang diri manusia ialah Al-Ghazali yang membincangkannya secara mendalam. Kupasan beliau mengenai diri manusia telah menjadi rujukan oleh ahli psikologi Islam dalam membincangkan tentang diri manusia. Kejadian diri manusia menurut Al-Ghazali merangkumi empat unsur utama iaitu roh (al-ruh), hati (al-qalb), nafsu (al-nafs) dan akal (al-'aql). Setiap satu unsur mempunyai fungsi tersendiri dalam membentuk bahagian diri manusia (Al-Ghazali, 1989 & Siti Jamiaah et al., 2017).

Al-Ghazali di dalam Azizi Yahaya (2005) menyatakan kendiri disebut al-Qalb, iaitu pati kemanusiaan dan zat manusia itu sendiri. Qalb ialah unsur-unsur rohani seseorang yang akur kepada tubuhnya dan di dalam masa yang sama mempengaruhi fungsi organ tubuhnya. Hati berfungsi mengesan perkara-perkara abstrak dan subjektif. Oleh itu, penting bagi seorang individu untuk memahami persoalan hati bagi membolehkan manusia mengenal dirinya (Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Niggal, 2008). Manakala, kendiri seseorang dibekalkan dengan daya motor dan daya deria untuk membolehkannya memenuhi keperluan jasad dan memenuhi keperluan ideal (Azizi Yahaya et al.,2005).

Menurut pandangan Islam juga, konsep kendiri dipengaruhi oleh akhlak atau perilaku seseorang. Ini menjelaskan bahawa di dalam Islam, teras membentuk konsep kendiri manusia yang baik adalah berakhhlak mulia. Akhlak berasal dari perkataan Bahasa Arab iaitu 'khuluk' yang bermaksud perangai, tingkah laku, adat kebiasaan dan budi pekerti seorang individu. Ianya dapat dilihat dalam pergaularan sehariannya dengan masyarakat (Mohd Yusof, 2007).

Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek (2006) telah menghuraikan konsep kendiri terbahagi kepada tiga iaitu kendiri spiritual, kendiri sosial dan kendiri material. Kendiri material ialah penampilan fizikal seseorang individu. Islam memandang kendiri material ini sebagai satu aspek diri yang penting. Ini kerana tubuh badan manusia yang dikurniakan oleh Allah SWT perlu dijaga dan dipelihara sebaik mungkin. Kendiri spiritual terdiri daripada keupayaan manusia untuk memancarkan kendirinya, ia merujuk kepada proses untuk mengalami alam kerohanian seperti bertafakur, menikmati nilai kehidupan dan keinsafannya tentang alam akhirat (Ma'arof Redzuan, 2007). Islam melihat konsep kendiri individu dari aspek bagaimana hubungan konsep kendiri individu dengan Allah SWT. Manakala

kendiri sosial individu terdiri daripada semua penilaian yang dibuat oleh individu kepada orang lain dan pengiktirafan yang diterima daripada mereka. Lazimnya, individu mengharapkan penghargaan dan pengiktirafan daripada orang lain (Chek Mat, 2006).

Isu-isu tentang pelajar atau lebih sinonim dengan perkataan remaja menjadi tumpuan kebanyakan pengkaji untuk mendalami proses perkembangan remaja sama ada dari sudut psikososial, psikospiritual, psikologi dan kesihatan fizikal. Pada masa kini usaha berkaitan memahami remaja di dalam semua aspek menjadi satu keperluan dalam proses membina mereka menjadi insan yang berkualiti dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara (Fariza Md Sham, 2005). Dalam proses pembentukan peribadi pelajar, bukan hanya kecemerlangan akademik yang perlu diberi perhatian, tetapi perkembangan konsep kendiri dalam memastikan kualiti diri pelajar yang dihasilkan adalah cemerlang di dunia dan akhirat.

Walaupun banyak kajian yang dilakukan untuk membincangkan tentang konsep kendiri, masih tidak terdapat kajian khusus yang dilakukan mengenai konsep kendiri pelajar UiTM Cawangan Pahang kampus Raub menurut perspektif Islam. Tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk mengkaji konsep kendiri menerusi pengkajian analisis kuantitatif dan kajian kepustakaan.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji konsep kendiri menurut perspektif Islam
2. Mengenal pasti konsep kendiri pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub

## Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan, melibatkan 133 orang pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub. Sampel kajian dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan maklum balas melalui borang soal selidik yang dibentuk dengan menggunakan 5 skala Likert. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), bahagian B (konsep kendiri). Soal selidik yang digunakan adalah adaptasi dari soal selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self-Concept Scale) yang telah dibentuk oleh Fitts (1965) dan telah diubahsuai mengikut perspektif Islam.

## Dapatkan dan Perbincangan Hasil Kajian

Dapatkan Kajian ini dianalisis secara analisis deskriptif. Bagi analisis data deskriptif, kajian ini menggunakan kekerapan dan peratusan.

### Latar Belakang Responden

Latar belakang responden merupakan data yang penting dalam menyempurnakan kajian ini. Maklumat latar belakang responden adalah seperti jadual 1 di bawah:

1. Jantina

Jadual 1: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	27	20.3%
Perempuan	106	79.7%
Jumlah	133	100%

Responden terdiri daripada 106 orang perempuan dan 27 orang lelaki. Sampel kajian telah dipilih secara persampelan rawak mudah dan diberikan kepada pelajar yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan semester.

2. Semester

Jadual 2: Semester

Semester	Kekerapan	Peratus
1	14	10.4%
2	34	25.5%
3	76	56.7%
4	2	1.5%
5	6	4.5%
7	1	0.7%
Jumlah	133	100%

Jadual 2 menunjukkan semester responden yang terlibat dalam kajian ini. Jika dilihat dari aspek semester menunjukkan seramai 14 (10.4%) responden berada di dalam semester satu, 32 (25.5%) orang berada pada semester dua, 76 (56.7%) orang berada dalam semester tiga, 2 (1.5%) orang daripada semester empat, 6 (4.5%) orang daripada semester lima dan seorang (0.7%) responden daripada semester 7. Dapatkan ini secara langsung menunjukkan majoriti responden berada dalam semester tiga.

i. Fakulti

Jadual 3: Fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratus
FSPPP	57	42.9%
FPP	73	54.9%
FSKM	3	2.2%
Jumlah	133	100%

Jadual 3 menunjukkan fakulti pengajian responden dalam kajian ini. Jika dilihat dari aspek Fakulti menunjukkan seramai 57 (42.9%) responden belajar di Fakulti Sains Pentadbiran dan Polisi, 73 (54.9%) orang responden belajar di Fakulti Pengajian Perniagaan dan 3 (2.2%) orang responden dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik. Dapatkan ini menunjukkan majoriti responden adalah dari Fakulti Pengajian Perniagaan.

**Konsep Kendiri Pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub**

Jadual 4: Peratusan Elemen Fizikal Responden

Bil	Fizikal	STS	%	TS	%	TP	%	S	%	SS	%
1.	Saya mempunyai badan yang sihat	1	0.7	11	8.1	31	22.8	75	55.1	17	12.5
2.	Saya adalah seorang yang menarik	2	1.5	16	11.9	47	34.8	55	40.7	16	11.9
3.	Saya adalah seorang yang sentiasa riang	1	0.7	23	17	32	23.7	62	45.7	18	13.3
4.	Saya adalah ahli sebuah keluarga yang sihat	2	1.5	7	5.3	30	22.6	74	55.6	20	15
5.	Saya adalah seorang yang sentiasa tenang dan mudah didampingi	1	0.7	13	9.7	37	27.6	69	51.5	15	11.2
6.	Saya adalah seorang yang ramah dan mesra	1	0.7	11	8.2	49	36.6	51	38.1	22	16.4
7.	Saya tidak selalu bercakap besar	2	1.5	6	4.5	49	36.6	65	48.5	13	9.7
8.	Saya suka kelihatan kemas dan menarik	0	0	1	0.7	15	11.2	62	46.3	57	42.5
9.	Saya tidak terlalu gemuk atau kurus	2	1.5	23	17.2	20	14.9	66	49.3	24	17.9
10.	Saya tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu kurus	1	0.7	15	11.2	15	11.2	80	59.7	23	17.2

STS : Sangat Tidak Setuju

TS : Tidak Setuju

S : setuju

TP : Tidak Pasti

SS : Sangat Setuju

Sumber: Soal Selidik 2019

Secara keseluruhannya, bagi elemen fizikal ini, majoriti responden menyatakan persetujuan terhadap item yang dibina. Tetapi terdapat beberapa item yang mendapat jawapan yang tidak pasti (item 2,6 dan 7) daripada responden. Kajian mendapati responden memilih untuk mengambil sikap berkecuali sama ada bersetuju atau tidak dengan item tersebut. Ini menunjukkan konsep kendiri pelajar daripada elemen fizikal berada dalam keadaan yang baik.

Kajian menunjukkan bahawa keadaan fizikal memainkan peranan yang penting dalam kalangan responden kajian. Ini kerana responden dilihat lebih menyukai keadaan fizikal tubuh mereka seadanya. Konsep kendiri fizikal merupakan pandangan seorang individu terhadap fizikal tubuh, perawakan fizikal, kemahiran dan keadaan kesihatannya. Ini membawa maksud, perawakan fizikal dan rupa paras yang kurang menarik biasanya akan mengehadkan pergaulan seseorang dengan individu yang lain. Keadaan ini seterusnya boleh menyukarkan individu tersebut untuk bersosial dengan rakan sebayanya (Rozman, 1999).

Oleh yang demikian, ianya penting bagi seseorang individu untuk membina konsep kendiri yang positif dalam penerimaan dari sudut elemen fizikal mereka kerana Islam memandu umatnya untuk mempunyai keseimbangan dalam konsep kendiri. Konsep kendiri yang seimbang meliputi persepsi atau penilaian yang dilakukan individu kepada dirinya sendiri mestilah tidak terlalu sedikit sehingga boleh mendatangkan sifat putus asa pada diri. Namun individu tidak boleh memandang diri terlalu tinggi sehingga mendatangkan sifat angkuh dengan diri sendiri. Sifat angkuh dan putus asa ini terjadi kerana seseorang itu hanya mengutamakan pandangan diri sendiri dan pandangan orang lain terhadap dirinya semata-mata tanpa melihat pandangan yang Maha Esa. Sewajarnya sebagai seorang Islam, seseorang individu itu perlu meletakkan pandangan Allah SWT dalam menilai diri selain daripada melihat penilaian masyarakat sekeliling sahaja (Siti Jamiaah et al., 2017).

Jadual 5: Peratusan Elemen Emosi Responden

Bil	Emosi	STS	%	TS	%	TP	%	S	%	SS	%
1.	Saya mempunyai daya tarikan diri	-	-	16	11.9	72	53.7	32	23.9	15	11.2
2.	Saya adalah penting kepada kawan-kawan dan ahli keluarga saya	2	1.5	5	3.7	48	35.5	60	44.8	20	14.9
3.	Saya berpuas hati dengan diri saya seperti sekarang	5	3.8	32	24.1	35	26.3	48	36.1	13	9.8
4.	Saya suka jika saya dapat mengubahkan beberapa bahagian badan saya	17	12.9	22	16.7	23	17.4	49	37.1	21	15.9
5.	Saya gembira jika saya berbuat baik kepada rakan saya	-	-	-	-	-	-	69	51.5	65	48.5
6.	Saya merasa sedih apabila melihat diri saya tidak menuaikan solat	-	-	1	0.8	1	0.8	53	39.8	79	59.4
7.	Saya berasa takut kepada Allah apabila saya melakukan kejahatan	-	-	-	-	4	3.3	66	49.6	63	47.4
8.	Saya berasa malu apabila keluar rumah tanpa menutup aurat	-	-	2	1.5	18	13.4	58	43.3	57	42.5
9.	Saya berasa marah apabila melihat orang yang membuat maksiat/kejahatan	-	-	1	0.7	20	14.9	70	52.2	43	32.1

STS : Sangat Tidak Setuju      S : setuju      SS : Sangat Setuju  
TS : Tidak Setuju      TP : Tidak Pasti

Sumber: Soal Selidik 2019

Secara keseluruhannya, bagi elemen emosi ini, kebanyakan item mendapat jawapan setuju dan sangat setuju daripada majoriti responden. Tetapi terdapat satu item yang mendapat jawapan tidak pasti yang tinggi melebihi 50% iaitu item 1 berkenaan ‘saya mempunyai daya tarikan diri’ dengan peratusan 53.7%. Kajian mendapati responden memilih untuk mengambil sikap berkecuali sama ada bersetuju atau tidak dengan item tersebut berkemungkinan kerana mereka kurang mempunyai keyakinan diri untuk menjawab soalan tersebut.

Emosi adalah perasaan yang dirasai oleh individu di dalam dirinya. Menurut Childre dan Martin (1999) emosi berasal dari perkataan Latin yang bermaksud tenaga yang digerakkan (Childre dan Martin, 1999). Pengalaman emosi seseorang memberi kesan terhadap ingatan dan sel-sel otak seterusnya membina ciri-ciri yang boleh mempengaruhi perilaku individu. Emosi pelajar mempunyai kaitan dengan perkembangan kognitif yang akan membentuk peribadi pelajar untuk menjadi pelajar yang mempunyai konsep kendiri positif atau negatif. Ini bertepatan dengan kajian Mohd Ishak, Ahmad, Mohd Desa & Abdullah (2000) dan Yahaya, Boon& Abdul (2010) yang telah mendapati kecerdasan emosi mempunyai hubung kait yang positif dengan kecekapan dan kebolehan kognitif seseorang menyempurnakan tugas serta boleh mempengaruhi diri seseorang individu terutamanya dalam kecemerlangan akademik pelajar.

Pelajar yang memiliki konsep kendiri positif dan tinggi dalam hidupnya akan termotivasi disebabkan penguasaan kesedaran kendiri yang mampu mempengaruhi tindakan, ketaatan dan perubahan sikap yang menjadikan mereka lebih sistematik dalam merancang dan mengawal emosi. Kecerdasan emosi yang stabil menunjukkan kebolehan individu untuk membezakan perkara yang jelas dan baik dalam membuat sesuatu pertimbangan (Wardatul Aishah bt Musa, Nooraini bt Othman, Siti Shariah Shaari , Mohd Nasrul Hakim B Jalaludin, 2016 & Zaidatol Akmaliah dan Soaib, 2011).

Jadual 6: Peratusan Elemen Intelek Responden

Bil	Intelek	STS	%	TS	%	TP	%	S	%	SS	%
1.	Saya berpuas hati hubungan saya dengan Tuhan	11	8.2	36	26.9	57	42.5	24	17.9	8	6
2.	Saya patut lebih sering ke masjid	-	-	1	0.7	12	9	76	56.7	45	33
3.	Saya tidak patut bercakap bohong	-	-	-	-	7	5.2	63	47	64	47.8
4.	Saya adalah seorang yang jujur	-	-	12	9	68	50.7	44	32.8	11	8.2
5.	Saya berpuas hati hubungan saya dengan keluarga	3	2.2	9	6.7	19	14.2	59	44	45	33.6
6.	Saya cuba untuk menyukarkan orang lain tetapi tidak keterlaluan	2	1.5	3	2.3	24	18	83	62.4	22	16.5
7.	Saya harus lebih percaya kepada keluarga saya	-	-	-	-	8	6	55	41.4	70	52.6
8.	Saya harus bergaul sebagaimana yang saya harapkan	-	-	2	1.5	20	15	73	54.9	38	28.6
9.	Saya ingin menjadi seorang yang lebih dipercayai	-	-	-	-	5	3.8	70	52.6	59	44.4
10.	Saya adalah sepandai yang saya inginkan	4	3	34	25.6	68	51.1	20	15	8	6
11.	Saya melayan ibu bapa saya setakat yang saya rasa patut	13	9.8	45	33.8	45	33.8	24	18	8	6
12.	Saya harus lebih bersopan santun	-	-	1	0.7	3	2.3	79	59	50	37.6
13.	Saya harus lebih bersopan santun terhadap orang lain	-	-	-	-	2	1.5	81	60.4	51	38.1
14.	Saya sepatutnya lebih pandai bergaul dengan orang lain	-	-	1	0.7	8	6	78	58.2	47	35.1
15.	Saya berpuas hati dengan kelebihan saya untuk membuat apa yang benar dan menjauahkan diri dari apa yang salah	-	-	7	5.2	34	25.4	66	49.3	27	20.1
16.	Saya begitu cepat putus asa	8	6	34	25.4	50	37.3	31	23.1	12	9.3
17.		1	0.7	11	8.3	73	54.9	42	31.6	6	4.5

	Saya memiliki peringkat kawalan diri yang tinggi										
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

STS : Sangat Tidak Setuju S : Setuju SS : Sangat Setuju

TS : Tidak Setuju

TP : Tidak Pasti

Sumber: Soal Selidik 2019

Secara keseluruhannya, bagi elemen intelek ini, kebanyakan responden mempunyai konsep kendiri yang positif terhadap 17 item yang dibina kerana menyatakan persetujuan terhadap item tersebut. Kajian juga mendapat terdapat 3 item yang mendapat jawapan tidak pasti melebihi 50% daripada responden (item 4,10 dan 17). Pengkaji beranggapan kemungkinan responden memilih untuk mengambil sikap berkecuali sama ada bersetuju atau tidak dengan beberapa item kerana tidak mahu menunjukkan kendiri sebenar mereka dalam menjawab soalan.

Elemen intelek dalam konsep kendiri adalah penting dalam memastikan individu boleh berfikir dengan seimbang. Kemampuan pelajar dalam berfikir akan mencerminkan tindakan yang diambil. Seseorang pelajar akan lebih peka kepada tindakan dan keputusan yang diambil ketika kejadian berbanding dengan kejadian yang telah berlaku. Keupayaan pelajar dalam berfikir secara kritis adalah berbeza antara satu sama lain. Pengalaman dan pengetahuan pelajar akan mempengaruhi corak pemikiran dan tingkah laku mereka. Pernyataan ini menyokong definisi konsep kendiri di mana penguasaan diri adalah menjadi keutamaan dalam menilai kemampuan dirinya sama ada dari sudut kekuatan dan kelemahan diri apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan (Wardatul et al., 2016).

Jadual 7: Peratusan Elemen Rohani Responden

Bil	Rohani	STS	%	TS	%	TP	%	S	%	SS	%
1.	Saya rasa saya mampu menjadi seorang muslim yang berkualiti	-	-	4	3	63	47.4	55	41.4	13	9.8
2.	Saya rasa Allah selalu melihat segala perbuatan yang saya lakukan	-	-	1	0.8	1	0.8	29	21.8	102	76.7
3.	Saya rasa saya adalah muslim yang baik	6	4.5	26	19.4	83	61.9	22	16.4	-	-
4.	Saya perlu bergantung kepada Allah dalam semua keadaan dalam kehidupan saya	-	-	4	3	3	2.2	46	34.3	81	60.4

STS : Sangat Tidak Setuju S : Setuju SS : Sangat Setuju  
TS : Tidak Setuju TP : Tidak Pasti

Sumber: Soal Selidik 2019

Secara keseluruhannya, bagi elemen rohani ini, peratusan keseluruhan yang paling tinggi adalah item 2, di mana majoriti 102 (76.7) orang responden menjawab sangat setuju dengan item ini. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyedari bahawa segala perbuatan yang dilakukan dilihat oleh Allah SWT. Namun begitu, terdapat satu item yang mendapat jawapan yang tidak pasti melebihi 50% iaitu item 3 ‘saya rasa saya adalah seorang muslim yang baik’, di mana 83 (61.9%) orang responden memberikan jawapan tidak pasti. Hal ini berkemungkinan responden kurang keyakinan untuk menyatakan mereka adalah seorang muslim yang baik dan merasakan diri mereka perlu diperbaiki dari sudut hubungan dengan Allah SWT.

Menurut Azizi et. al (2005), elemen kerohanian merangkumi hubungan dengan Tuhan, perasaan puas hati atau sebaliknya dan harga diri dalam agama yang dianuti oleh seseorang individu. Ini adalah elemen tambahan dalam Islam berkenaan pembentukan konsep kendiri individu iaitu bagaimana pandangan Allah SWT sebagai pencipta yang mempunyai kriteria penilaian yang istimewa terhadap hambanya. Al-Quran dan Al-Sunnah telah membincangkan tentang piawaian dan batasan pembinaan kendiri individu dengan mendalam. Islam mempunyai kaedah tersendiri dalam membentuk individu berperibadi mulia sama ada dari luaran dan dalaman. Sebagai contoh, apabila individu merasakan dirinya memiliki kekuatan dan kecantikan, dalam masa yang sama, melalui panduan dan ajaran Islam individu tersebut sedar semua itu adalah anugerah Allah SWT dan hanya Dia yang Maha Besar dan Maha Indah. Ini dapat mengelakkan mereka memiliki sifat ujub atau bangga diri dan membentuk sifat rendah hati terhadap Allah SWT yang memandu mereka untuk tidak melakukan perbuatan yang ditegah oleh Allah SWT seperti sompong, bongkak dan khianat (Siti Jamiaah et al., 2017).

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, perbincangan di atas menunjukkan bahawa konsep kendiri sangat penting kerana ia merupakan faktor asas dalam membangunkan diri secara spiritual bagi menggapai cita-cita yang diingini. Konsep kendiri perlu ditanam dan dibentuk kerana ianya tidak boleh dibentuk dengan sendiri. Pemupukan konsep kendiri yang positif akan menjadikan kualiti diri pelajar semakin membanggakan dan seterusnya menjadikan proses pembelajaran di pusat pendidikan tinggi sebagai sesuatu yang bermakna dalam kehidupan.

Pemupukan konsep kendiri yang positif dalam diri pelajar mampu menghasilkan pelajar yang mempunyai sikap positif, meningkatkan kepuasan hidup, membantu meningkatkan pencapaian akademik dan motivasi seterusnya dapat melahirkan sikap kreatif dalam diri pelajar. Kesemua aspek ini merupakan aspek penting dalam pembinaan kualiti diri pelajar selaras dengan kehendak falsafah pendidikan negara. Walaubagaimanapun penulisan ini hanya merupakan satu kajian tinjauan yang tidak dilakukan secara menyeluruh kepada populasi pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub. Adalah dicadangkan supaya kajian yang akan datang supaya kajian mengenai konsep kendiri pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub dilakukan dengan lebih meluas dan heterogen supaya hasil kajian lebih menyeluruh dan dapat membantu memberikan gambaran konsep kendiri yang lebih luas.

## Rujukan

- Azizi Hj. Yahaya Yusof Boon Kamaliah Noordin. T.th. Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor. Johor: Skudai.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1989. *Bisyarah Ihya ulum al-din*. Jil. 8. Beirut:Dar al-Kutubal-Ilmiyyah.
- Azizi Hj. Yahaya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya. 2005. Pembangunan Kendiri. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Hj. Yahaya & Jaafar Sidek Latif. 2006. Membentuk Identiti Remaja. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Childe, D., dan H. Martin. 1999. The HeartMath Solution. Great Britain: Piatkus.
- Chek Mat. 2007. Pengurusan Imej. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors.
- Fariza Md Sham. (2005). Adolescent Emotional Stress. Jurnal Islamiyyat 27(1). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, page : 3-24.
- Hawton, K., Saunders, K. E. A., & O'Connor, R. C. (2012). Self-harm and suicide in adolescents. *The Lancet*. [http://doi.org/10.1016/S0140-6736\(12\)60322-5](http://doi.org/10.1016/S0140-6736(12)60322-5).
- Jamaludin Ramli. 2010. Bab 6 : Pengertian konsep kendiri. In: Psikologi Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, pp. 1-9

- Mohd Fairuz Jafar & Shahizan Hasan. 2016. Kajian penghargaan Kendiri dan kepuasan hidup pelajar. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (2):22-31.
- Mohd Ishak, N., Ahmad, S., Mohd Desa, K. & Abdullah, R.T. (2000). Kepintaran Emosi Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik Pelajar IPTA:Implikasi Terhadap Kebolehpasaran.
- Mohd Yusof. 2007. Bimbingan Akhlak Mulia dan Nilai-Nilai Murni. Puchong:Jasmin Enterprise
- Orth, U., Robins, R. W., Meier, L. L., & Con-ger, R. D. (2016). Refining the Vulnerability Model of Low Self-Esteem and Depression: Disentangling the Effects of Genuine Self-Esteem and Narcissism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 110(1), 133–149. <http://doi.org/10.1037/pspp0000038>.
- Othman Bin Md. Johan, Dr. (1995). Kesan Konsep Kendiri terhadap tingkah laku murid-murid. Tesis dr. Fal. Tidak diterbitkan. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schmakel P.K (2000). *Early Adolescents Perspective on Instructional Practices and Motivation and Achievement in Academics*. Ph.d, University of Toledo.
- Schraml, K., Perski, A., Grossi, G., & Si-monsson-Sarnecki Margareta, M. (2011). Stress symptoms among adolescents: The role of subjective psycho-social conditions, lifestyle, and self-esteem. *Journal of Adolescence*, 34(5), 987–996. <http://doi.org/10.1016/j.adolescence.2010.11.010>.
- Siti Jamiah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff & Rozmi Ismail. 2017. Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin* 45 (1) 2017: 1-26
- Trzesniewski, K. H., Donnellan, M. B., Mof-fitt, T. E., Robins, R. W., Poulton, R., & Caspi, A. (2006). Low self-esteem during adolescence predicts poor health, criminal behavior, and limited economic prospects during adulthood. *Developmental Psychology*, 42(2), 381–90. <http://doi.org/10.1037/0012-1649.42.2.381>.
- Trautwein U, Lüdtke O, Kölner O, Baumert J .2006. [Self-Esteem, Academic Self-Concept, And Achievement: How The Learning Environment Moderates The Dynamics Of Self-Concept](#). Journal Pers Soc Psychol. 2006 Feb;90(2):334-49.
- Wardatul Aishah bt Musa, Nooraini bt Othman, Siti Shariah Shaari , Mohd Nasrul Hakim B Jalaludin, 2016. Hubungan Antara Kesedaran Kendiri Dengan Teori Kognitif Sosial, Teori Goleman Dan Teori Astin. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 2: no. 2 (2016) page 62–68.
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Ninggal. 2008. Teori Kaunseling al-Ghazali. Batu Caves: PTS Islamika PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Soaib Asimiran (2011). Transformasi Kepemimpinan Pendidikan: Cabaran dan Hala Tuju. Penerbit UPM Serdang, Selangor.
- Zaharah Bt. Mohd Nadzir. 2000. Hubungan antara Konsep Kendiri dan Motivasi Pencapaian dengan Pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.